

# Utusan Malaysia - Karnival Kewangan Kedah 2018 Bermula Hari ini

Jumaat, Jan 19 2018



PERSIAPAN ruang pameran Karnival Kewangan Kedah 2018 yang akan membuka tirai bermula esok hingga 21 Januari ini.

## Karnival Kewangan Kedah 2018 bermula hari ini

**ALOR SETAR 18 Jan.** – Orang ramai terutama di kawasan Utara dijemput hadir memeriahkan Karnival Kewangan Kedah 2018 yang akan berlangsung di Pusat Konvensyen TH, di sini bermula esok hingga 21 Januari ini.

Ketua Pejabat Bank Negara Malaysia (BNM) Pulau Pinang, Hasjun Hashim berkata, karnival itu bertujuan mendidik orang ramai mengenai produk dan perkhidmatan yang boleh membantu mengurus kewangan dengan berkesan.

“BNM menasarakan seramai 20,000 pengunjung akan meluangkan masa untuk menghadiri

Karnival Kewangan Kedah bertemakan ‘Utamakan Keperluan Kewangan Anda’ ini selama tiga hari penganjurannya.

“Terdapat lebih 45 penyedia perkhidmatan kewangan, persatuan dan agensi terlibat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan untuk keperluan yang berbeza,” katanya ketika ditemui di Pusat Konvensyen TH di sini hari ini.

Karnival tersebut dijadual dirasmikan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah bersama Gabenor BNM, Tan Sri Muhammad Ibrahim.

Pelbagai aktiviti menarik telah dirancang seperti taklimat dan khidmat nasihat kewangan, program e-Ushawan dan e-Rezeki, pendidikan kewangan dan sudut kanak-kanak serta cabutan bertuah.

Antara pempamer yang turut serta ialah Agrobank, AIA, Bank Islam, Bank Rakyat, CIMB Bank, Maybank, Affin Bank, Bank Simpanan Nasional (BSN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan banyak lagi.

Selain berpeluang memenangi hadiah bernilai lebih RM150,000, pengunjung juga boleh melihat persembahan artis tempatan seperti Wany Hasrita, Syamel, Aiman Tino dan Caliph Buskers.

